**Bahasa Malaysia 5**

**Hasil Pembelajaran**

1.1.1 Mengenal pasti apa yang didengar
1.1.2 Mengecam dan membezakan intonasi suara
2.1.1 Berbual dalam bahasa mudah dengan sebutan yang betul
2.1.2 Berinteraksi secara sopan dan bertatasusila
2.1.3 Menyatakan permintaan dan arahan secara bertatasusila
2.3.1 Melafazkan pelbagai bentuk puisi seperti pantun, sajak,dan syair
3.5.3 Mengecam perkataan melalui nyanyian atau puisi
3.7.1 Membaca perkataan dan rangkai kata yang bermakna
3.8.1 Membaca ayat dari cantuman perkataan dan rangkai kata
3.8.3 Mengenal tanda bacaan di dalam ayat atau perenggan
3.10.2 Membaca mengikut arah dan cara yang betul

# Panduan mengajar bagi e-Daya Bahasa Malaysia 5

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 1<br>(Unit 1)<br>Warna | 3.7.1<br>3.8.1<br>3.8.3<br>3.10.2 | i. Dapat membaca per-kataan dan ayat dengan sebutan yang jelas dan tepat.<br>ii. Dapat menyatakan warna den-gan berdasarkan gambar yang ditunjukkan. | 1. Memperkenalkan pelbagai jenis warna kepada murid.<br>2. Latih tubi membaca perkataan berdasarkan kad perkataan.<br>3. Mengeja perkataan mengikut suku kata.<br>4. Guru menunjukkan kad warna dan murid menunjukkan kad perkataan berkenaan.<br>5. Guru menyebut nama bagi sesuatu warna, murid menunjukkan kad warna berke-naan.<br>6. Membaca ayat seperti yang terdapat dalam buku teks.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>1. Mewarnakan bendera Malaysia dengan warna yang betul. | – Kad warna<br>– Kad perkataan<br><br><br><br><br><br>– Lukisan bendera Malaysia |
| 2<br>(Unit 2)<br>Bunyi di sekeliling | 1.1.1<br>1.1.2<br>3.7.1 | i. Dapat membezakan dan me-namakan bunyi yang diperden-garkan. | 1. Memperdengarkan rakaman bunyi haiwan dan benda. ***Contoh:***<br>=> Bunyi kucing mengiau.<br>=> Bunyi lembu melenguh.<br>=> Bunyi telefon berdering.<br>=> Bunyi gendang berdentum.<br>2. Murid pula menamakan bunyi yang mereka dengar.<br>3. Murid membezakan bunyi-bunyi yang diperdengarkan, sama ada bunyi daripada haiwan atau benda.<br>4. Latihan memadankan bunyi dengan gambar.<br>5. Membaca ayat-ayat yang terdapat dalam buku teks.<br>6. Mengajuk bunyi berdasarkan gambar.<br>=> Pilih bunyi-bunyi yang biasa didengar oleh murid.<br>=> Pastikan keadaan kelas terkawal semasa aktiviti mengajuk bunyi dijalankan. | – Pita rakaman radio<br><br><br><br><br><br><br><br>– Kad gambar |
| 3<br>(Unit 3)<br>Diri saya | 2.1.2<br>3.8.1<br>2.1.1 | i. Dapat berinteraksi dengan mesra untuk mendapat-kan maklumat.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang ber-kaitan. | 1. Latih tubi memperkenalkan diri, bermula daripada guru, diikuti oleh murid. ***Contoh:***<br>=> Guru memperkenalkan diri sendiri.<br>(a) Saya (Puan Ai Ching).<br>(b) Saya guru Matematik kamu.<br>(c) Saya berumur 28 tahun.<br>2. Memperkenalkan perkataan “nama” dan “umur”.<br>3. Murid membaca teks berulang kali, kemudian menyebut “nama” dan “umur” sendiri.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>1. Murid boleh dilatih melakonkan dialog dengan menukar kata ganti nama “saya” kepada “dia”. | |
| 4<br>(Unit 3) | | i. Dapat berinteraksi dengan mesra untuk mendapat-kan | 1. Murid diperkenalkan perkataan “nama”.<br>2. Murid membaca teks dengan berulang kali. | |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| Diri saya | 2.1.1<br>2.1.2<br>3.8.1 | maklumat.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang ber-kaitan. | 3. Murid-murid menyatakan nama bapa dan emak masing-masing. | |
| 5<br>(Unit 4)<br>Ucapan harian | 2.1.2<br>3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat memberi ucapan harian mengikut waktu yang sesuai.<br>ii. Dapat berinteraksi dengan mesra menerusi ucapan har-ian. | 1. Memperkenalkan ucapan "selamat pagi" dan "selamat tengah hari". Terangkan waktu sesuatu ucapan disebut.<br>2. Murid boleh dilatih melakonkan dialog.<br>3. Adakan aktiviti membaca kad perkataan dan seterusnya mengatur kad dengan betul.<br>4. Murid membaca kad dengan sebutan yang jelas dan tepat. | – Kad perkataan |
| 6<br>(Unit 5)<br>Ucapan harian | 2.1.2<br>3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat memberi ucapan harian mengikut waktu yang sesuai.<br>ii. Dapat berinteraksi dengan mesra menerusi ucapan har-ian. | 1. Memperkenalkan ucapan "selamat petang" dan "selamat malam". Terangkan waktu sesuatu ucapan disebut.<br>2. Murid boleh dilatih melakonkan dialog.<br>3. Adakan aktiviti membaca kad perkataan dan seterusnya mengatur kad dengan betul.<br>4. Murid membaca kad dengan sebutan yang jelas dan tepat. | – Kad perkataan |
| 7, 8, 9<br>(Unit 5)<br>Ucapan bersopan santun | 2.1.2<br>2.1.3<br>3.8.1 | i. Dapat berinteraksi dengan mesra menerusi ucapan-uca-pan bersopan santun.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang ber-kaitan. | 1. Memperkenalkan ucapan "terima kasih" dan "selamat datang", "sila masuk", "selamat tinggal", "selamat jalan", dan "sama-sama".<br>2. Adakan aktiviti membaca rangkai kata sehingga fasih.<br>3. Guru menimbulkan suasana menerusi gambar dan me-nerangkan waktu bagi sesuatu ucapan bersopan itu disebut.<br>4. Adakan aktiviti membaca kad perkataan/kad rangkai kata.<br>5. Murid boleh dilatih melakonkan dialog yang perlu menggunakan ucapan bersopan yang telah dipelajari. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 10<br>(Unit 6)<br>Haiwan jinak | 2.3.1<br>3.5.3<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan jelas dan tepat.<br>ii. Dapat membaca teka-teki dan seterusnya menyata-kan jawa-pan. | 1. Menamakan haiwan peliharaan seperti dalam gambar yang ditunjukkan.<br>2. Mengajuk bunyi bagi haiwan-haiwan yang telah ditunjukkan.<br>3. Menamakan haiwan peliharaan sendiri (jika ada).<br>4. Menceritakan haiwan peliharaan masing-masing. | – Kad gambar |
| 11<br>(Unit 6)<br>Haiwan jinak | 3.7.1 | i. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan jelas dan tepat. | 1. Membaca perkataan pada kad imbasan. ***Contoh***:<br>**kambing** **lembu** **itik** **angsa**<br>**ayam** **arnab** **kucing** **tikus** | – Kad imbasan |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | 2. Mengajuk bunyi bagi haiwan-haiwan yang telah ditunjukkan.<br>3. Mengelaskan haiwan dalam gambar yang ditunjukkan dengan mengikut kelompok.<br>***Contoh:***<br>(a) Haiwan berkaki dua -> ayam, itik, angsa.<br>(a) Haiwan berkaki empat -> kambing, arnab, lembu, kucing dan tikus.<br>(a) Haiwan yang makan rumput -> kambing, lembu. | – Kad gambar |
| 12, 13<br>(Unit 7)<br>Haiwan liar | 2.3.1<br>3.5.3<br>3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan dengan jelas dan tepat.<br>ii. Dapat membaca teka-teki dan seterusnya menyata-kan jawa-pan. | 1. Menamakan haiwan yang boleh didapati di dalam zoo.<br>2. Mengajuk bunyi bagi haiwan liar.<br>3. Membaca perkataan pada kad imbasan. ***Contoh:***<br>**gajah** \| **harimau** \| **zirafah** \| **monyet**<br>**badak sumbu** \| **tupai** \| **buaya** \| **ular**<br>4. Membaca ayat-ayat dalam buku teks sehingga fasih.<br>5. Mengelaskan haiwan dalam gambar yang ditunjukkan dengan mengikut kelompok.<br>***Contoh:***<br>(a) Haiwan yang makan daging -> harimau dan buaya.<br>(a) Haiwan yang makan rumput -> gajah, zirafah.<br>6. Menulis nama bagi setiap gambar haiwan.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid mengelaskan haiwan kepada 2 kelompok. ***Contoh:***<br>**Haiwan Jinak** \| **Haiwan Liar** | – Kad imbasan<br><br>– Kad gambar |
| 15<br>16<br>17<br>18<br>(Unit 8)<br>Perkataan berlawan | 2.3.1<br>3.7.1<br>3.8.1<br>3.5.3<br>3.10.2 | i. Dapat membaca per-kataan dan ayat dengan betul.<br>ii. Dapat menyatakan kaitan antara pasangan per-kataan berlawan yang diberikan.<br>iii. Dapat melafazkan pantun dengan nada dan sebutan yang | 1. Guru menggunakan benda-benda di sekeliling murid untuk membayangkan kaitan antara pasangan perkataan berlawan. ***Contoh:***<br>(a) Membandingkan saiz benda yang ada di dalam kelas seperti kerusi, meja, buku, murid dan sebagainya.<br>(b) Minta murid membandingkan rambut murid lelaki dengan murid perempuan dan sebagainya.<br>(c) Minta murid membandingkan juga benda-benda yang nipis dengan benda-benda yang tebal di dalam bilik darjah, seperti kertas, kain, buku, dan lain-lain. | |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | jelas serta tepat. | 2. Membaca perkataan berlawan dengan sebutan yang betul. ***Contoh:***<br>dalam x luar<br>atas x bawah<br>besar x kecil<br>3. Mengadakan aktiviti membaca ayat yang tercatat di dalam buku teks.<br>4. Membina ayat mudah yang lengkap dengan pasangan perkataan berlawan.<br>***Contoh:***<br>=> Kerusi guru besar, kerusi murid kecil.<br>=> Kertas ini nipis, buku ini tebal.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Memadankan pasangan perkataan berlawan yang diberikan. | – Kad perkataan |
| 19<br>20<br>(Unit 9)<br>Kenderaan | 3.7.1 | i. Dapat membaca per-kataan dan rangkai kata dengan jelas dan tepat.<br>ii. Dapat mengelaskan ken-der-aan kepada kenderaan di darat, di udara, dan di air. | 1. Murid menyatakan sifat kenderaan berdasarkan gambar.<br>2. Murid membaca kad imbasan yang ditunjukkan oleh guru.<br>**kereta** **bas** **van** **motosikal**<br>**beca** **basikal** **kereta api** **lori**<br>3. Menulis nama kenderaan berdasarkan kad gambar.<br>4. Murid menceritakan pengalaman menaiki kenderaan.<br>5. Murid menceritakan cara mereka datang ke sekolah.<br>6. Murid mengeja dan membunyikan perkataan dengan jelas.<br>7. Mengelaskan jenis kenderaan darat, laut (air), dan udara.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid menulis dan melabel nama kenderaan.<br>ii. Guru meminta murid melukis gambar dan menyalin ayat daripada buku. | – Kad gambar<br>– Kad imbasan<br><br><br><br>– Kad gambar |
| 21 dan 22<br>(Unit 10)<br>Pekerjaan | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan dan ayat dalam konteks yang berkaitan.<br>ii. Dapat menyatakan/menerang-kan juga apa yang dibuat da-lam setiap pekerjaan. | 1. Galakkan murid menamakan pekerjaan ibu dan bapa mereka seorang demi se-orang.<br>2. Mengadakan aktiviti membaca perkataan dengan kad imbasan.<br>3. Membimbing murid membaca ayat-ayat dalam buku teks sehingga fasih.<br>4. Terangkan juga apa yang dibuat dalam setiap pekerjaan. ***Contoh:***<br>=> Ahli bomba memadam api kebakaran.<br>=> Doktor merawat pesakit.<br>=> Nelayan menangkap ikan.<br>5. Memadankan kad perkataan dengan kad gambar yang berkaitan. | <br><br>– Kad imbasan<br><br><br><br><br>– Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 23<br>24<br>25 | 3.7.1<br>3.8.1<br>3.10.2 | i. Dapat membaca per-kataan, rangkai kata, dan ayat dengan jelas dan tepat. | 1. Tunjukkan gambar pelbagai perayaan di Malaysia.<br>***Contoh:***<br>=> Hari Kebangsaan | – Kad gambar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 26<br>(Unit 11)<br>Perayaan | 3.8.3 | ii. Dapat menyatakan ciri- ciri bagi perayaan di Malaysia. | => Hari Raya Puasa<br>=> Tahun Baru Cina<br>=> Hari Deepavali<br>=> Hari Krismas<br>2. Murid menyatakan perayaan masing-masing dengan menunjukkan gambar yang berkenaan.<br>3. Soal jawab berpandukan gambar untuk mendapatkan maklumat tentang agama dan perayaan masing-masing.<br>4. Mengadakan aktiviti membaca perkataan dan ayat-ayat supaya murid dapat menyebut dengan tepat.<br>5. Menulis ucapan yang sesuai berdasarkan gambar perayaan.<br>6. Memadankan kad rangkai kata dengan kad gambar.<br>7. Menyatakan ciri-ciri keistimewaan perayaan pelbagai kaum di Malaysia.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid membawa baju tradisional mereka ke sekolah untuk ditunjukkan kepada murid lain. | – Kad gambar<br>– Kad perkataan<br>– Benda maujud |
| 27<br>(Unit 12)<br>Jenis rumah | 3.7.1<br>3.8.1<br>3.10.2<br>3.8.3 | i. Dapat membaca per-kataan dan rangkai kata dengan betul.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang berkaitan. | 1. Berdasarkan gambar rumah dalam pelbagai bentuk dan jenis, guru menyoal murid akan jenis rumah berkenaan.<br>2. Guru minta murid merujuk dan membaca rangkai kata yang terdapat dalam buku teks.<br>3. Guru menanyakan jenis rumah murid.<br>4. Berdasarkan kad gambar, guru menunjukkan perkataan tertentu, seperti:<br>**rumah teres** \| **rumah banglo** \| **rumah panjang**<br>**rumah pangsa** \| **rumah papan**<br>5. Berdasarkan gambar dan kad perkataan, murid membaca perkataan dan ayat.<br>=> Ini rumah apa?<br>Ini rumah panjang.<br>=> Ini rumah apa?<br>Ini rumah papan.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Latih tubi ejaan dan sebutan bagi perkataan.<br>**panjang** \| **pangsa** \| **papan**<br>**banglo** \| **tingkat** \| **rumah** | – Kad gambar<br>– Kad gambar<br>– Kad perkataan/ rangkai kata |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 28<br>(Unit 13)<br>Cuaca | 3.7.1<br>3.8.1<br>3.10.2<br>3.8.3 | i. Dapat membaca rangkai kata dan ayat dalam konteks yang berkaitan.<br>ii. Dapat mengemukakan soalan untuk mendapat-kan maklu-mat. | 1. Pasangkan rakaman bunyi petir/kilat.<br>2. Bersoal jawab dengan murid. ***Contoh***:<br>=> Apakah bunyi yang dapat kamu dengar?<br>=> Bilakah kamu dapat mendengar bunyi tersebut?<br>3. Murid menceritakan pengalaman diri ketika hari hujan/banjir (jika ada).<br>4. Membaca dan memahami ayat dalam buku teks.<br>5. Murid berbincang dan menyatakan jenis permainan yang boleh dijalankan pada cuaca yang pelbagai jenis.<br>=> Minta murid membezakan penggunaan payung pada hari hujan dan hari panas.<br>***Contoh:***<br>(a) Hari hujan — payung digunakan untuk melindungi badan supaya tidak basah.<br>(b) Hari panas — payung digunakan untuk melindungi diri daripada terkena cahaya matahari. | – rakaman petir |
| 29<br>(Unit 14)<br>Kebersihan diri | 3.8.1<br>3.10.2<br>3.8.3 | i. Dapat membaca ayat dalam konteks yang berkaitan.<br>i. Dapat menceritakan bagaima-na menjaga kebersihan diri sendiri. | 1. Murid membaca dan memahami ayat berdasarkan gambar.<br>2. Latih tubi mengeja dan membaca perkataan.<br>**cuci** **gosok** **mandi**<br>**pakaian** **sabun** **basuh**<br>3. Latih tubi sebutan menerusi suku kata.<br>cu ci, ba suh, go sok, sa bun<br>4. Galakkan murid menjaga kebersihan diri sendiri seperti:<br>(a) Menggosok gigi setiap kali selepas makan.<br>(b) Mandi sekurang-kurangnya 2 kali sehari. | – Kad perkataan |

# Contoh Pendekatan Bertema untuk Bahasa Malaysia 5

